



## SIARAN MEDIA

### **PKS DIGALAKKAN UNTUK TEROKAI POTENSI HALAL SEPENUHNYA DI PERINGKAT GLOBAL**

---

Sektor halal adalah salah satu sektor bernilai tinggi di peringkat dunia dan sedang berkembang pesat bukan sahaja di negara-negara Muslim tetapi di negara-negara bukan Muslim juga.

Di Malaysia, pada tahun 2019, nilai eksport produk halal tempatan telah dicatatkan pada RM40.2 bilion dan produk halal Malaysia mempunyai reputasi yang tinggi dan diterima baik di peringkat antarabangsa. Namun, masih terdapat banyak peluang dan ruang yang perlu diterokai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan di dalam sektor ini.

Menurut Halal Development Corporation (HDC), segmen eksport makanan dan minuman (F&B) halal telah meningkat sebanyak 10.4%, pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya. Segmen F&B yang berjumlah RM22 billion ini adalah segmen terbesar bagi eksport halal di Malaysia.

PKS tempatan mempunyai peluang menceburi pasaran halal global yang bukan sahaja merangkumi produk F&B, tetapi juga produk-produk lain seperti farmaseutikal, kosmetik, perkhidmatan kewangan, pelancongan, fesyen dan sebagainya.

China merupakan destinasi eksport produk halal Malaysia yang terbesar, mencatatkan nilai eksport berjumlah RM4.7 bilion pada tahun 2019. Diikuti Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan Indonesia.

Selain itu, rantau ASEAN adalah salah satu pasaran eksport halal utama Malaysia yang mencatatkan gabungan eksport halal sekitar RM12 bilion pada tahun 2019.



Data-data ini menunjukkan potensi eksport di pasaran-pasaran tersebut dan wajar bagi PKS tempatan untuk mengambil peluang mengeksport ke negara-negara ini.

"Pasaran halal global menawarkan peluang yang sangat besar untuk PKS tempatan, terutamanya dalam mengeksport produk makanan ke luar negara, memandangkan sijil halal Malaysia amat terkenal dan mempunyai reputasi yang besar di peringkat dunia," kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Lim Ban Hong, ketika lawatan kerja ke kilang pembuatan Kawan Food Berhad di Selangor Halal Hub, Pulau Indah semalam.

Tujuan lawatan ke Kawan Food ini adalah untuk meninjau pematuhan pihak kilang kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa Perintah Kawalan Pergerakan Fasa Pemulihan (PKPP) ini, dan mengetahui lebih mendalam mengenai gangguan rantaian bekalan global, serta pendekatan yang diambil oleh industri dalam menjalankan perniagaan di norma baru.

Kawan Food ialah salah satu pengeluar dan pengeksport produk makanan halal yang terkemuka di Malaysia. Antara produk keluaran mereka termasuk produk sejuk beku capati, popiah dan roti.

Setakat ini, Kawan Food telah mengeksport ke 42 pasaran antarabangsa dan aktiviti eksport menyumbang 60 peratus daripada pendapatan syarikat ini pada tahun lalu.

Menurut HDC, terdapat lebih daripada 200,000 PKS tempatan yang berpotensi untuk terlibat dalam penghasilan produk halal dan penting bagi syarikat-syarikat ini mendapatkan sijil halal bagi menambah nilai kepada produk-produk mereka di peringkat domestik dan global.

HDC, yang merupakan agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), memainkan peranan sebagai penyelaras polisi dan program berkaitan dengan pembangunan industri halal di Malaysia. Manakala, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) pula bertanggungjawab



untuk membantu PKS-PKS tempatan mencari peluang-peluang eksport di luar negara.

“Saya ingin menggalakkan lebih banyak PKS tempatan untuk terus meneroka pasaran eksport halal yang semakin berkembang pesat serta memanfaatkan pensijilan halal Malaysia yang diiktiraf di seluruh dunia bagi memasarkan produk mereka di peringkat global,” kata Datuk Lim Ban Hong.

**-TAMAT-**

**PEJABAT TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI  
JUMAAT, 12 JUN 2020**